



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

PENGUATKUASAAN PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM OLEH KPDN SEPANJANG TAHUN 2023

PUTRAJAYA, 11 JANUARI 2024 – Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menguatkuasakan sebanyak 12 Akta melibatkan kawalan harga dan antipencatutan, kawalan bekalan barangan bersubsidi dan barangan perlu, perlindungan pengguna, perlindungan harta intelek dan perdagangan domestik. KPDN turut menguatkuasakan pengubahan wang haram di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) [Akta 613].

Modus operandi yang sering digunakan oleh peniaga bagi mengubah wang haram adalah melalui beberapa kaedah. Pertamanya menerusi secara langsung iaitu memasukkan hasil haram ke dalam akaun perniagaan atau individu yang dicampur aduk dengan hasil perniagaan sah. Keduanya secara penstrukturan iaitu dengan memasukkan ke dalam akaun perniagaan-perniagaan atau individu lain, mewujudkan *shell* company, membeli aset atau membuat pelaburan, membayar pinjaman, insuran dan lain-lain. Ketiganya adalah menerusi 'hawala' iaitu sistem penghantaran wang tanpa melalui lingkungan sistem perbankan atau syarikat kewangan berlesen yang melibatkan rentas sempadan.

Sepanjang tahun 2023, Bahagian Penguat Kuasa KPDN telah menjalankan beberapa kerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain dalam usaha pencegahan jenayah kewangan ini. Kerjasama tersebut termasuklah perkongsian maklumat risikan, latihan dan operasi. Bagi kerjasama sepanjang tahun 2023 melibatkan operasi, terdapat beberapa operasi bersepadu yang berjaya dijalankan iaitu:

OPS REWARD

Operasi bersepadu bagi membanteras aktiviti skim piramid dan pelbagai kesalahan lain dijalankan melibatkan Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan kerjasama Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC). Operasi ini turut dibantu oleh Bank Negara

Malaysia (BNM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bukit Aman dan CyberSecurity Malaysia (CSM) di sekitar Pulau Pinang dan Kedah.

OPS TIRIS

Operasi yang dimulakan pada 1 Mac hingga 31 Disember 2023 sebagai usaha untuk membanteras penyelewengan minyak diesel bersubsidi yang telah menyebabkan kerugian kepada pihak Kerajaan dan memastikan bekalan minyak diesel bersubsidi sampai kepada pihak yang layak. Operasi ini melibatkan banyak agensi penguatkuasaan lain termasuklah PDRM, APMM, ATM, LHDN, NFCC dan lain-lain.

OPS PHARMA

Operasi bersepadu yang dilakukan oleh sepasukan anggota penguat kuasa KPDN Putrajaya bersama Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan dengan kerjasama Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, Akta Racun 1952 dan Akta Cap Dagangan 2019.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak RM1,715,053.00 nilai kompaun telah ditawarkan dan dijelaskan manakala sebanyak RM137,517.69 nilai harta alih telah dilucuthakan dan dijadikan hasil Kerajaan Malaysia. Oleh yang demikian, sebanyak RM1,852,570.69 telah berjaya dipulihkan untuk dijadikan hasil Kerajaan Malaysia daripada kes yang telah dikenakan tindakan pelucuthakan tanpa pendakwaan dan menerusi pengkompaunan. Jumlah ini akan meningkat selepas beberapa lagi kes yang sedang dalam siasatan dan pendakwaan di mahkamah selesai. Menurut rekod jua, bagi tahun 2023, sejumlah RM21,217,979.11 nilai pembekuan telah dibuat melibatkan harta alih dalam institusi kewangan. Tindakan penyitaan juga telah dibuat bagi tahun 2023 dengan nilai sejumlah RM1,043,601.77 harta alih dalam institusi kewangan, harta tak alih dengan nilai RM2,607,181.00, dan wang tunai sebanyak RM84,964.00. Ini menjadikan nilai penyitaan keseluruhan bagi tahun 2023 sebanyak RM3,735,746.77.

Secara keseluruhan pula, berdasarkan statistik kes bermula tahun 2016 hingga 2023 sejumlah RM56,628,198.30 harta berjaya dilucuthakkan, RM2,419,053.00 kompaun dan RM12,000,000.00 denda telah dikutip dan dikenakan. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan hasil Kerajaan menerusi penguatkuasaan Akta 613 oleh Bahagian Penguat Kuasa KPDN sepanjang tempoh tersebut adalah sebanyak RM71,047,251.30.

Terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh KPDN dalam menguatkuasakan pencegahan pengubahan wang haram. Antaranya termasuklah penggunaan transaksi aktiviti haram secara tunai dan tidak melalui sistem perbankan, atau menggunakan *mule account*. Penglibatan badan profesional seperti akauntan dan setiausaha syarikat sebagai individu atau organisasi yang menyediakan perkhidmatan profesional yang membantu melakukan aktiviti pengubahan wang haram turut menjadi cabaran siasatan. Cabaran akan datang yang perlu dihadapi adalah penggunaan transaksi matawang kripto yang pelbagai dan ia bukan mata wang yang sah diperlakukan di Malaysia.

Oleh yang demikian, tindakan berterusan akan dilaksanakan oleh Seksyen Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Bahagian Penguat kuasa KPDN untuk memperkasakan penguatkuasaan Akta 613 dan memperolehi kembali hasil haram yang diperolehi di bawah undang-undang sedia ada bagi tujuan dijadikan hasil Kerajaan. Bahagian ini akan terus bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan termasuklah kerjasama dengan Jabatan Peguam Negara, lain bagi tujuan perkongsian latihan, maklumat risikan dan operasi. KPDN jua selaku agensi penguatkuasaan yang menganggotai Kumpulan Kerja Jawatankuasa Penyelaras Pencegahan Pengubahan Wang Haram Kebangsaan (NCC) akan melaksanakan segala Pelan Tindakan yang berkaitan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

YBHG. DATUK AZMAN BIN ADAM,
KETUA PENGARAH PENGUAT KUASA,
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP.

PUTRAJAYA, 11 JANUARI 2024.

###